

# Perhimpunan beri inspirasi

BH - 12/05/66

## Pak Lah anggap kehadiran ramai ahli cetus semangat teruskan perjuangan parti

**J**OHOR BAHRU: Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan sambutan ulang tahun ke-60 Umno di Istana Besar di sini semalam amat hebat dan bertepatan dengan sambutan di tanah kelahirannya.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Badan Perhubungan Umno Johor dan Pengerusinya, Datuk Abdul Ghani Othman, beliau berkata, sambutan lebih 60,000 ahli Umno dari seluruh negara amat memberangsangkan.

"Saya menganggapnya satu hari yang memperingati ahli Umno untuk memperkukuhkan semangat berjuang demi masa depan bangsa dan negara dan menjadikannya lebih baik ke arah matlamat negara serta bangsa yang maju," katanya pada sidang akhbar selepas sambutan.

Sebelum itu beliau bersama ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno menyaksikan persembahan teater muzikal *Balada Sang Adi Putera*, di Stadium Tertutup MJB di selama hampir sejam setengah.

Teater yang diarahkan Othman Zainuddin dipentaskan khas sempena sambutan itu turut menampilkan artis seperti Datuk Rahim Razali, Ramli Sarip dan Zarina AF2.

Abdullah berkata, sambutan itu bertujuan memperingati perjuangan Umno dan ia adalah cara bagi menaikkan semangat serta mencari inspirasi.

Katanya, ukuran kesayangan ahli Umno kepada parti dapat dilihat daripada jumlah mereka yang hadir dan membuktikan bahawa ahli Umno memang menyayangi parti serta mahu ia menjadi parti politik yang berjaya.

"Sokongan ahli amat penting dan ia adalah kejayaan untuk Umno yang terus kukuh sejak 60 tahun lalu," katanya sambil menambah bahawa enam dekad membuktikan Umno sudah matang daripada segala segi tindakannya.

"Malaysia akan menyambut kemerdekaan yang ke-50 tahun depan, tetapi Umno tua 10 tahun daripada Malaysia dan ia cukup untuk menilai perjuangan parti ini," katanya.

Ditanya mengenai pertemuannya dengan Sultan Johor di Istana Bukit Serene petang kemarin, Abdullah berkata, beliau dijemput minum teh dengan Sultan Iskandar.

"Ketika pertemuan itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuanku bagi pihak Umno kerana membenarkan penggunaan Istana Besar untuk sambutan itu," katanya.

Sementara itu, Abdul Ghani, berkata sejak 60 tahun lalu, orang Melayu sudah menyerahkan jiwa, kesetiaan dan harapan mereka kepada Umno.

"Inilah amanah orang Melayu kepada Umno dan parti keramat ini menerima amanah rakyat Melayu yang tercabar dan terancam dengan penuh kesedaran serta keinsafan demi agama, bangsa dan tanah air," katanya ketika berucap pada Ulang Tahun Umno Ke-60, di perkarangan Istana Besar, di sini semalam.

Justeru, ahli Umno perlu insaf dan mengetahui bahawa sebagai pewaris amanah, mereka perlu meneruskan perjuangan bukan saja untuk 60 tahun dari sekarang tetapi sehingga akhir zaman.

Bahkan, katanya, perjuangan itu perlu disertakan kegigihan, berraiah, mengutamakan kebenaran, permuafakatan, kesederhanaan, kesetiaan, keadilan, kebijaksanaan dan kemajuan umat Melayu dan rakyat Malaysia.

"Sudah terbukti semangat itu menjadikan Umno bertahan sepanjang 60 tahun lalu. Bukannya tidak ada cabaran, sebaliknya Umno sudah melalui liku-liku pahit getir perjuangan tetapi terus teguh dan semakin kuat.

"Semangat ini jugalah yang menentukan kelangsungan perjuangan Umno. Ia juga adalah jihad kita untuk bangsa dan tanah air kerana inilah tuntutan agama," katanya.

Majlis bersejarah itu ibarat sirih pulang ke ganggang kerana ia diadakan di tempat kelahiran dan penubuhan parti itu pada 11 Mei 1946.

**“Sokongan ahli amat penting dan ia adalah kejayaan untuk Umno yang terus kukuh sejak 60 tahun lalu”**

Abdullah Ahmad Badawi  
Presiden Umno



**PENUH SEMANGAT:** Abdullah melaungkan 'Hidup Melayu' sempena sambutan ulang tahun ke-60 Umno di Istana Besar, Johor Bahru, semalam.